

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]

TARIKH : 9.6.2014

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang membina sebuah Sekolah Menengah di Pulau Meranti, Parlimen Sepang mengambil kira pertambahan jumlah penduduk di kawasan tersebut dan kawasan persekitarannya dengan percambahan pesat taman-taman perumahan di situ; dan
- (b) meminta Kerajaan membangunkan Sekolah Rendah di Pulau Meranti dan prasarana di sekolah tersebut yang sudah berusia 50 tahun usianya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari tentang pertambahan jumlah penduduk dan pembanguan pesat taman-taman perumahan di sekitar Pulau Meranti, Sepang, Selangor. Sehubungan itu, bagi memenuhi keperluan pembangunan sekolah menengah di Pulau Meranti, KPM akan mengemukakan cadangan untuk membina SMK Bukit Puchong yang terletak 3.5 km dari Pulau Meranti dalam RMKe-11 (2016-2020). Walau bagaimanapun, kelulusan projek tersebut adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.
- b) Bagi sekolah rendah pula, pihak KPM sedang berusaha untuk menaiktaraf pendawaian di SK Pulau Meranti.